

Selamat Sejahteralah

Negara Islam

Persekutuan Tanah Melayu merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ketiga

Mudah-mudahan bertambah aman damai dan limpah makmur



“Gara-gara Sandiwara Ketuhanan”

Kerajaan Persekutuan menapis Singapura

Kerajaan Persekutuan akan merakam, menyemak dan menapis dahulu sebarang siaran radio yang disambung dari Radio Singapura untuk siaran Radio Malaya pada masa depan.

Tindakan ini diambil ialah kerana gara-gara “Sandiwara Ketuhanan” yang telah menimbulkan pertelingkahaan baharu-baharu ini.

Demikian diberitakan oleh Utusan Melayu dalam

keluarannya pada 12 Ogos 1960 yang lalu. Lebih lanjut

Utusan Melayu memberitakan:

Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman menyatakan dalam sidang Parlimen semalam walaupun beliau tidak mendengar siaran (sandiwara) itu tetapi mengetahui adanya pertelingkahan melalui surat khabar.

“Sandiwara itu adalah merendah dan menghina agama Islam” Tengku menegaskan.

Perdana Menteri membuat pengumuman tersebut ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Uustaz ‘Uthmān ‘Abdullāh (PAS – Tanah Merah).

Tengku Perdana Menteri menegaskan beliau setuju bahawa sandiwara-sandiwara yang menimbulkan pertelingkahan-pertelingkahan serupa itu tidaklah patut disiarkan.

Seyogianya disebut, Majlis Penasihat Islam Singapura, *Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah Singapura*, Persatuan Guru-guru Agama Singapura dan UMNO Singapura telah membantah dengan sekeras-kerasnya akan siaran sandiwara yang menghina Islam itu.